

GARIS PANDUAN PEMERBADANAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)

Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) diperbadankan menurut peruntukan Seksyen 14 Akta Syarikat 2016 (AS 2016).

Bagi meneruskan permohonan pemerbadanan SBJM, pemohon perlu memastikan perkara-perkara berikut telah disempurnakan:-

PROSEDUR PEMERBADANAN SYARIKAT TEMPATAN

1. Permohonan dan Tempahan Ketersediaan Nama Syarikat.

Pemohon dikehendaki mengemukakan permohonan melalui borang seksyen 27(1) & (4) Akta Syarikat 2016 (AS 2016) '*on availability of company's name*' melalui portal MyCoID. Setelah nama diluluskan dan masih dalam tempoh masa rizab, pemohon hendaklah menyerahkan simpan salinan cetakan permohonan SBJM ke kaunter SSM terdekat sama ada di ibu pejabat, negeri atau cawangan (kecuali UTC).

2. Dokumen Serah Simpan bagi Pemerbadanan SBJM

Senarai dokumen untuk serah simpan bagi pemerbadanan SBJM adalah seperti berikut:-

- a. Borang Seksyen 14 AS2016 Permohonan Pemerbadanan Syarikat Berhad Menurut Jaminan;
- b. Perlembagaan syarikat yang telah diluluskan oleh Seksyen Pengurusan Tadbir Korporat (SPTK), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - setem hasil RM 200;
- c. Borang Seksyen 27(1)&(4) AS2016 Permohonan Tempahan Nama Syarikat;

- d. Cetakan emel notifikasi kelulusan untuk rizab nama syarikat;
- e. Surat Kelulusan Menteri Seksyen 45 AS2016 (jika berkenaan);
- f. Salinan kad pengenalan (IC)/pasport Pengarah;
- g. Bayaran fi adalah RM3,000.

PAUTAN UNTUK MUAT TURUN BORANG

Borang Seksyen 14 (AS 2016) bagi permohonan pemerbadanan SBMJ boleh dimuat turun di pautan berikut:
https://www.ssm.com.my/Pages/Legal_Framework/Document/incorp_s%2014%20Sch%20B%20clbg_100422.pdf

MAKLUMAT PENTING

- Syarikat perlu melantik setiausaha syarikat dalam tempoh 30 hari selepas pemerbadanan syarikat. Permohonan pelantikan setiausaha pertama melalui borang Seksyen 58 & 236(2) (AS 2016) perlu dikemukakan di kaunter pejabat SSM.
- '*Amount guarantee*' perlu dilengkapkan (rujuk perlembagaan syarikat).
- Tiada perubahan maklumat pada perlembagaan yang diluluskan SPTK.
- Borang Seksyen 14 (AS 2016) perlu lengkap ditandatangani oleh pemohon/*lodger*.
- Catatkan nombor rujukan pada penjuru atas sebelah kiri.

PIAGAM PELANGGAN

Permohonan lengkap yang diserahkan simpan bersama bayaran fi akan diproses dalam tempoh satu (1) hari bekerja.

VERIFIKASI PERMOHONAN

SEKIRANYA PERMOHONAN DILULUSKAN

Pemohon perlu mengambil salinan cetakan berikut di kaunter serahan SSM (pejabat SSM yang sama) dengan menyerahkan resit bayaran:-

- Notis pendaftaran
- Surat kelulusan

SEKIRANYA PERMOHONAN DIKUERI

Pemohon perlu mengambil semula salinan permohonan dan surat kueri di kaunter (Pejabat SSM yang sama) dengan menyerahkan resit bayaran. Permohonan yang lengkap perlu dikembalikan ke kaunter untuk diproses semula menurut Piagam Pelanggan.

